

Headline	Teknologi rawat kayu getah dibangun		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 Jun 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	218 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 449
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,347



# Teknologi rawat kayu getah dibangun

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya membangunkan serta mempatenkan teknologi hijau bertaraf antarabangsa untuk merawat kayu getah menggunakan sistem pengeringan suhu tinggi (HTD).

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod dalam satu kenyataan baru-baru ini berkata sistem itu tidak memerlukan rawatan bahan kimia, malah ia boleh meningkatkan kestabilan kayu di samping mengurangkan masa pemrosesan.

Beliau berkata teknologi HTD merupakan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh industri kayu-kayan negara, terutama pengeluaran perabot berasaskan kayu getah dalam menangani halangan serta syarat-syarat perdagangan yang semakin ketat yang ditetapkan oleh pelbagai negara maju untuk memastikan penggunaan produk lebih mesra alam.

"Teknologi ini semakin mendapat perhatian. Kami telah menerima banyak pertanyaan, terutama dari negara pengeluar kayu getah utama lain seperti China, Thailand dan India," katanya.

Beliau berkata FRIM akan menjalankan penyelidikan lanjut untuk menguji penggunaan sistem HTD terhadap spesies kayu lain termasuk Acacia dan kayu kelapa sawit.

"Saya percaya sistem HTD ini boleh digunakan untuk merawat spesies kayu lain. Teknologi ini berpotensi menjadikan Malaysia antara negara pertama di dunia yang menawarkan kayu terawat yang selamat dan mesra alam," katanya.

Abd Latif berkata FRIM memperoleh paten untuk teknologi HTD dari Pejabat Paten dan Cap Dagang Amerika Syarikat (USPTO) pada Mac 2013, dan telah memfailkan paten di Malaysia dan enam negara lain iaitu Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia, China dan India.

Satu jalinan kerjasama dengan Advanced Low Pressure System Sdn Bhd (ALPS) untuk mengkomersialkan teknologi HTD telah dilaksanakan dan syarikat tersebut telah menubuhkan dua unit sistem HTD di Telok Gong, Pelabuhan Klang.

FRIM juga akan bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Majlis Kayu Kayan Malaysia untuk menganjurkan forum yang menyasarkan pengeluar perabot dan mereka yang terlibat dalam industri perkayuan untuk mempromosikan sistem HTD, katanya.

Sempena program itu, FRIM juga akan melancarkan tanda pensijilan HTD.

Abd Latif berkata sistem HTD ini dibangunkan dan ditambah baik sejak 10 tahun lepas oleh penyelidik FRIM, Choo Kheng Ten dan Dr Sik Huei Shing, yang memulakan projek tersebut sebagai respons kepada langkah Kesatuan Eropah (EU) yang melabelkan beberapa jenis bahan kimia rawatan kayu, terutama borates, dalam "Kategori repro toksik" di bawah Arahan Bahan Berbahaya 67/548.

Menurutnya kayu getah perlu dikering-tanur sebelum digunakan dalam pembuatan perabot atau komponen perabot bagi memastikan dimensi kayu stabil sebelum digunakan dalam pembuatan produk hiliran. - Bernama